

# Program Strategi Lautan Biru UMSKAL

► Untuk masyarakat Pulau Banggi, Kudat

UB 21.7.13 B3

**U**NIVERSITI Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) telah mengadakan program Amal Strategi Lautan Biru di Pulau Banggi, Kudat pada 26 Julai lalu.

Turut menjayakan program itu ialah Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) Labuan, Pasukan Latihan Pegawai Simpanan Udara (PALAPES Udara) UMSKAL, Pejabat DUN N1 Banggi dan Pejabat Daerah Kudat.

Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali, berkata program itu bertujuan untuk meningkatkan tahap keprihatinan kaitangan dan agensi kerajaan bagi meringankan beban masyarakat yang memerlukan bantuan.

Beliau yang mewakili Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata ianya juga untuk merapatkan hubungan antara UMS dengan masyarakat dan membudayakan amalan membaca dalam kalangan

masyarakat.

Turut diadakan program ziarah Ramadan sempena bulan Ramadan.

“Sebagai usaha murni kaitangan dan tidak melunturkan semangat peserta untuk menabur bakti kepada masyarakat walaupun dalam bulan Ramadan dan berhadapan dengan cuaca panas,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis penyerahan 100 unit tilam dan 150 unit kerusi kepada wakil masyarakat Pulau Banggi, Amir Hamzah.

Peserta program turut mengedarkan buah kurma serta bahan bacaan untuk kegunaan masyarakat termasuk pelajar Pulau Banggi di Kudat.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Banggi, Datuk Abdul Mijul Unaini merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan atas usaha UMS membantu meringankan beban masyarakat di Pulau Banggi.

Beliau yang diwakili Amir Hamzah berharap

sumbangan dan bantuan seperti itu akan merapatkan lagi hubungan antara UMS dengan pemimpin dan masyarakat Pulau Banggi.

Turut hadir Pengarah JPAM Labuan, Mejari (PA) Awang Askandar Ampuan Yaacub, Ajutan PALAPES Udara UMSKAL, Kapten Muqlis Badrul Hisham

dan Timbalan Pendaftar UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah.

Hadir sama Penolong Jurutera Kanan UMSKAL, Mohd Azrie Tanjong, penyelaras program, Fadzli Sarudi, pegawai dan kaitangan JPAM, PALAPES Udara dan UMSKAL.



DR ISMAIL (enam kanan) bersama pegawai yang terbabit menjayakan program Strategi Lautan Biru UMSKAL di Pulau Banggi, Kudat .